

## NOTIS

### KERJA-KERJA PENYUSUNAN SEMULA FREKUENSI SIARAN TV DIGITAL MYFREEVIEW

Kerja-kerja penyusunan semula frekuensi siaran TV digital akan dilakukan bagi pemancar yang terletak di Johor, Pulau Pinang dan Kedah bagi membolehkan sistem digital beroperasi melalui frekuensi baru dari stesen pemancar yang terlibat. Untuk makluman, siaran digital myFreeview dipancar melalui 2 frekuensi dari setiap stesen pemancar. Proses ini melibatkan perubahan kepada **frekuensi kedua** sahaja.

Jadual kerja-kerja penyusunan semula frekuensi adalah seperti berikut:

No	Tarikh	Stesen Pemancar dan Lokasi	Frekuensi Lama		Frekuensi Baharu	
			Frekuensi Pertama	Frekuensi Kedua	Frekuensi Pertama	Frekuensi Kedua
1	18 Feb 2020	Bukit Tinggi, Johor	CH30 (546MHz)	CH52 (722MHz)	CH30 (546MHz)	<b>CH32 (562MHz)</b>
2	18 Feb 2020	Gunung Jerai, Kedah	CH45 (666MHz)	CH49 (698MHz)	CH45 (666MHz)	<b>CH43 (650MHz)</b>
3	20 Feb 2020	Seberang Jaya, Pulau Pinang	CH45 (666MHz)	CH49 (698MHz)	CH45 (666MHz)	<b>CH43 (650MHz)</b>
4	20 Feb 2020	Gunung Ledang, Johor	CH30 (546MHz)	CH52 (722MHz)	CH30 (546MHz)	<b>CH32 (562MHz)</b>
5	21 Feb 2020	Penang U4, Pulau Pinang	CH45 (666MHz)	CH49 (698MHz)	CH45 (666MHz)	<b>CH43 (650MHz)</b>

Kawasan yang terlibat adalah terletak di kawasan **Johor timur, Johor tengah, Johor utara, Perak Utara, Perlis Selatan, Negeri Sembilan selatan, Melaka dan keseluruhan Seberang Jaya, keseluruhan Georgetown, Bayan Lepas dan Seberang Prai.**

Anda dinasihat agar meletakkan dekoder atau TV berintegrasi digital (IDTV) di dalam keadaan 'standby mode'. Sekiranya terdapat masalah penerimaan siaran selepas kerja-kerja penyusunan frekuensi ini, anda perlu melakukan **PENALAAN SEMULA** dekoder atau IDTV anda bagi mendapatkan frekuensi yang baharu. Anda juga boleh menyemak senarai frekuensi yang baru di laman sesawang MYTY <https://www.mytvbroadcasting.my/pdf/Lists-of-frequency.pdf>.

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1800-18-1088.

Pusat Khidmat Pelanggan MYTV 1800-18-1088